

LIBRARY
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY

NASAB MENURUT FUQAHAH', QADHA' DAN
UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN HUKUM SYARIAH
WILAYAH PERSEKUTUAN

O
L
E
H

HAJI ISA BIN ISMAIL

#

DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN

KEHAKIMAN ISLAM

#

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

PETALING JAYA, SELANGOR

MALAYSIA

1990 - 1991 M
DONATED TO THE LIBRARY OF
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
1410 - 1411 H
BY

Haji Isa Ismail



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِوَسِيْلَتِي اِسْلَامِي اَنْبَارَا اَبْحَسَابَا مِلَلِيْنِيَا

UNTUK RENUNGAN PUTRA PUTRI TERCINTA

Fakhru Razi

Badrul Asyraf

Zamahsyari

Nadyatul Azma

Sofwatul Ain .

MANA-MANA PEREMPUAN

YANG MASUK KESUATU KAUM YANG
 BUKAN KELUARGANYA, MAKA IA
 TIDAK AKAN MENDAPAT APA-APA PUN
 BAHAGIAN DARI ALLAH, DAN ALLAH TIDAK
 AKAN MEMASUKKAN KE DALAM SYURGA NYA.

DAN MANA - MANA LELAKI YANG MENYANGKAL
 ANAK NYA YANG DI KANDUNG OLEH ISTERI :
 NYA, PADAHAL SUAMI ITU TAHU BAHAWA
 ANAK ITU ADALAH ANAKNYA MAKA
 ALLAH AKAN MENJAUHI DARIPADA
 NYA DAN ALLAH AKAN MENG-
 HINANYA DI HADAPAN
 ORANG DAHULU
 SERTA ORANG
 KEMUDIAN .

Maksud Hadis Riwayat

Abu Daud, Nisaae

Ibnu Majah dan

Disahkan oleh

Al-Hakim

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Sudah sewajarnya jika kesempatan ini penulis menyatakan rasa hormat dan berterima kasih tidak terhingga kepada pihak Universiti Islam Antara Bangsa, Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam Bahagian Latihan dan Kerjaya, yang mana saya kira adalah diantara pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam pengurusan pembelajaran saya.

2. Demikian juga penulis merasa terhutang budi kepada Dr. Muhamad Ariffin yang bersedia menjadi pembimbing, (Musyrif) dalam menjaya skripsi yang amat sederhana ini, semua Pensyarah dan kakitangan Universiti Islam Antara Bangsa. Teristimewa Syeikh Kulliyah Tan Sri Dato' Prof. Ahmad Ibrahim, dan Timbalan Dekan Prof. Madya Dr. Mahmud Saedon Awang Othman diucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

3. Melalui kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pengarah dan Tuan Haji Yaakob Haji Lazim Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri yang banyak memberi dorongan dan semangat serta pemilihan untuk mengikuti kursus Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam ini.

4. Ucapan terima kasih khas dituju kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan Kadhi Khas Kota Bharu, Kelantan Ustaz Abdullah Rahimi Haji Daud dalam membantu mendapatkan maklumat untuk penulisan ini.


5. Sebelum berakhir penulis merakam terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri Hajjah Noorain Hj. Hashim dan anak-anak ter-

cinta yang banyak berkorban masa, perasaan dan gangguan semasa merancang, menulis dan membuat penyusunan sehingga skripsi ini selesai.

6. Dan akhir sekali kepada Puan Latifah Zakaria yang banyak berkorban tenaga menaip dengan jayanya, dan mereka-mereka yang membantu samada secara langsung atau tidak langsung diucapkan terima kasih.

7. Semoga Allah membalas pahala dengan berlipat ganda. Dan diharapkan skripsi yang amat sederhana ini mendapat berkat dari Allah S.W.T. sebagai kenangan amal untuk dipersembah kepada Arwah ayah dan bonda tercinta; Ismail Isa dan Jaharah Salleh. Amin Ya Rabbal Alamin.

Wabillahi Taufik, wassalam.


Salam Hormat Dari Penulis
Haji Isa Ismail
WIRAJAYA,
KUALA LUMPUR.

3hb. Mei 1991M
18hb. Syawal 1411H

DAFTAR KANDUNGAN

	Muka
Untuk Renungan	i
Penghargaan dan terima kasih	ii
Isi Kandungan	iv
Senarai kes	vii
Muqaddimah	viii
BAB PERTAMA	1
Takrif Nasab Firasy	1
Masa hamil minima	1
Kes Ipilan Zaman Saidina Othman	2
Anak Zina	2
Kes Anita Safinah Lwn Zahari	3
Mahkamah Sivil - Kes Ainan Lwn Syed Abu Bakar	5
Masa hamil maksima	7
Masa Ghalib	8
Sabit Nasab melalui perkahwinan Fasid	8
Aqad batil	9
Sabit Nasab selepas pembubaran perkahwinan	10
Nasab Talak tidak mempunyai Iddah	10
Nasab Talak Rajei	11
Nasab Talak Bain	12
Nasab selepas wafat	12
Dakwaan Kelahiran	13
Saksi berhubung dakwaan kelahiran	14
Keterangan pakar	14
Sabit Nasab dari persetujuan sebelum membayar Kifarat Zihar	16
Anak Sumpah	19
Kes pembicaraan kes anak hasil daripada zina dengan bekas suami setelah habis iddah	20

DAFTAR KANDUNGAN

Muka

Kes Halimah lwn Osman zina lahir anak	31
BAB KEDUA	48
Nasab Iqrar dan Takrifnya	48
Bahagian Iqrar	48
Nasab Bayyinah dan takrifnya	49
Nasab pengakuan berdasar akta keluarga Islam	51
BAB KETIGA	54
Anak Angkat	54
Pengambilan tanpa penukaran nasab	54
Tabanni Penukaran Nasab	55
Keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan	56
BAB KEEMPAT	56
Anak Luqatah dan Takrifnya	56
Hukum Barang Jumpa	56
Pandangan Islam Terhadap Anak Jumpa	56
Penentuan Agama bagi anak jumpa	57
Nasab anak jumpa	57
Wilayah keatas anak jumpa	58
Biaya kehidupan anak jumpa	58
BAB KELIMA	59
Anak Tabung Uji	59
Pandangan Islam mengenai pertumbuhan persenyawaan	59
Benih suami isteri yang dimasukkan kedalam rahim isteri	61
Nasab anak tabung uji dari benih suami isteri yang dimasukkan kedalam rahim isteri	61
Benih suami isteri yang dimasukkan kedalam rahim orang lain.	61
Nasab anak tabung uji yang benih suami isteri yang dimasukkan kedalam rahim orang lain	62
Anak Tabung Uji daripada benih yang bukan suami isteri ..	63

Anak Tabung Uji menurut pendapat dan Fatwa Kebangsaan	64
Keputusan Fatwa Kebangsaan mengenai anak luar nikah	65
BAB KEENAM	66
Kesan daripada penentuan Nasab	66
Nafaqah dan Pelajaran anak sah taraf	66
Nafaqah dan pelajaran anak tak sah taraf	66
Nafaqah Anak Tak Sah Taraf dalam Akta Keluarga Islam	67
Pewarisan harta pusaka anak sebenar	68
Anak tak sah taraf tidak mewarisi harta lelaki yang menyebabkan ia dilahir	69
Perkahwinan	69
Hamil buatan	70
Kesan Saikologi	70
BAB KETUJUH	70
Penutup	70
Nota Kaki	73
Kitab dan Bahan Rujukan	77

SENARAI KES

1. Anita Safinah bte Ismail lwn Zahari bin Yaacob
Penentuan Nasab Mahkamah Kadhi Besar Kelantan 1989 Bil.4/39
2. Ainan Mahmud lwn Syed Abu Bakar Habib Yusof
Penentuan Nasab Mahkamah Sivil
3. Junaidah Malek lwn. Aladin Endin
Anak zina dengan suami setelah habis iddah Bil. 17/90
4. Halimah lwn. pendakwa Jenayah Kelantan
Anak Tak Sah Taraf Kes Rayuan Bil. 2/1979

MUQADDIMAH

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على رسوله الامين وعلى اله

واصحابه اجمعين ومن تبعهم باحسان الى يوم الدين .

Alhamdulillah, syukur yang tidak terhingga kehadiran Ilahi, kerana limpah kurnia, Taufiq dan Hidayahnya dapat mengemukakan kertas projek atau skripsi yang amat sederhana ini sebagai syarat bagi memperolehi Diploma Pentadbiran dan Kehakiman Islam daripada Universiti Islam Antara Bangsa Malaysia.

Saya akui memang terdapat banyak kelemahan dan kekurangan samada disedari atau tidak adalah bergantung kepada masa penyiapannya amat terhad. Walau bagaimanapun saya kira ianya sesuai dengan taraf Diploma maka perbincangan tajuk ini juga merupakan satu pendedahan dan percambahan pemikiran Fuqaha yang tidak terikat kepada mazhab tertentu, serta beberapa contoh perbandingan kes Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil.

Skop pendekatan yang dibincang dalam tajuk ini mengandungi tajuk Bab;

- Bab Pertama - Perbincangan bagi menentu nasab
Firasy
- Bab Kedua - Iqrar dan Bayyinah
- Bab Ketiga - Anak Angkat
- Bab Keempat - Al-Laqith (anak pungut)
- Bab Kelima - Anak Tabung Uji
- Bab Keenam - Kesan daripada penentuan nasab
- Bab Ketujuh - Penutup

BAB PERTAMA

1. SABIT NASAB FIRASY

Iaitu penentuan seseorang perempuan bagi anak yang dilahirkannya keatas seseorang lelaki yang mengahwininya secara sah dan mungkin perhubungan suami isteri.

Dari takrif ini dapat diambil kesimpulan sebagai berikut:-

- (a) Hamil itu setelah berlaku perkahwinan dan memungkinkan persetubuhan dengan suaminya.
- (b) Melahirkan bayi ini hendaklah tidak kurang daripada had minima masa hamil (enam bulan).
- (c) Tidak melebihi empat tahun selepas pembubaran perkahwinan menurut syafieyah dan dua tahun menurut Hanafiyah. (1)

1.1 Masa Hamil Minima

Sepakat para ulamak mengatakan bahawa sekurang-kurang hamil itu enam bulan daripada tarikh melakukan persetubuhan, lalu isterinya itu melahirkan anak, anak tersebut dikira sah taraf. Berdasarkan firman Allah S.W.T;

وحمله وفضاله ثلاثون شهرا

Bermaksud: Dan masa mengandung dan menyusunya ialah tiga puluh bulan. (2)

dan Firman Allah S.W.T;

والوالدت يرضعن او لانهن حولين كاملين لمن اراد ان يتم
الرضاعة

Bermaksud: Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun penuh iaitu bagi mereka yang ingin menyempurnakan penyusuan. (3)

Ayat 15 Al-Ahqaf menjelaskan keseluruhan masa seseorang ibu bersusah payah mengandung dan menyusui anak selama 30 bulan, manakala ayat 233 Al-Baqarah pula menjelaskan masa memberi susuan terhadap anak selama 24 bulan, jadi jika ditolak maka akan baki masa mengandung 6 bulan iaitu masa yang minima.

Telah berlaku satu peristiwa dimana seorang lelaki telah berkahwin dengan seorang perempuan, kemudian isterinya telah melahirkan anak selepas 6 bulan mereka berkahwin, lalu lelaki tersebut membawa isterinya mengadap Saidina Othman, keputusan perbicaraan rejam.

Ibnu Abbas membuat Ipilan keatas keputusan itu dengan katanya kalau perbahasan kamu bincang dengan kitab Allah, itu adalah pendapat kamu, sahabat bertanya bagaimana? Jawab Ibnu Abbas, sesungguhnya Allah telah berfirma dalam surah Al-Ahqaf dan Al-Baqarah 233 jika ditolak akan baki 6 bulan masa mengandung.

Setelah Saidina Othman mendengar penjelasan Ibnu Abbas tersebut lalu Baginda membatalkan keputusan rejam dan membebaskan perempuan tersebut. (4)

Sabit anak kepada bapa dan ibu adalah berdasar kepada nikah suami isteri yang sah. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w;

عن ابي هريرة رضى الله عنه قال النبي (ص) قال الولد
للفرش والعامر الحجر

Ertinya: Anak itu bagi suami yang sah dan penzina itu direjam dengan batu. (5)

Difahamkan daripada hadis ini anak zina tidak dinasab kepada lelaki penzina. Sabit keturunan sebelah ibu sahaja adalah disebabkan kelahiran samada melalui nikah yang sah atau tidak. Sedangkan sabit keturunan sebelah bapa hendaklah melalui pernikahan yang

sah atau fasid atau wathi subhah. (6)

Penentuan Nasab Mahkamah Syariah.

ANITA SAFINAH BTE ISMAIL - lwn - ZAHARI BIN YAACOB

(Mahkamah Kadhi Besar Kelantan Kes Mal Bil. 4/1989

22.4.89, 13.5.89, 8.7.89, dan 6.8.89)

Dalam kes ini pihak yang menuntut (Zahari bin Yaacob) bekas suami kepada yang kena tuntutan (Anita Safinah bte Ismail).

Kedua-duanya telah melangsung perkahwinan pada 2.7.89 dan telah duduk bersama sebagai suami isteri di rumah No. 7, Keretapi Wakaf Bahru sehingga 10.9.87. Azhari telah melafazkan cerai dihadapan yang kena tuntutan di rumah ibubapa yang kena tuntutan seperti alamat di atas, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Kadhi, dan didaftarkan penceraian tersebut di Mahkamah Kadhi Tumpat pada 3.10.88 serta dicatit cerai dalam keadaan suci.

Yang kena tuntutan menafi, dan memberitahu bahawa beliau telah tidak datang haid semenjak bulan Ogos 1987, bererti pada masa penceraian berlaku 10.9.87 beliau telah mengandung lebih kurang 1½ bulan dari perkahwinan tersebut dan akhirnya telah melahirkan seorang anak lelaki diberi nama Mohd. Fadlishah bin Azhari sebagaimana salinan surat beranak No. H 650365 didaftar pada 23.4.1988.

Azhari tidak pernah memberi sebarang nafkah kepada anaknya Mohd. Fadlishah dengan itu Anita Safinah telah menuntut supaya Azhari membayar segala kos dan ganti rugi perbicaraan, kerana melambat-lambat bayaran nafkah terhadap anaknya.

Perbicaraan dihadapan Kadhi Besar Kelantan terbuka, kedua-dua hadir tanpa peguam, walaupun pada mulanya yang kena tuntutan dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman ketika pendaftaran kes, tetapi dalam perbicaraan Biro Bantuan Guaman tidak hadir. Setelah perbicaraan diadakan sebanyak empat kali Hakim telah memutuskan:

Keputusan Hakim/Kadhi Besar;

Setelah Mahkamah mendengar segala keterangan yang menuntut dan seorang saksi serta jawapan yang kena tuntutan dan keterangan dua saksi Mahkamah menolak penafian Azhari keatas anaknya Mohd. Fadlishah dan mengistihar bahawa Mohd. Fadlishah adalah anak yang sah kepada Azhari bin Yaacob mengikut hukum Syarak.

Ulasan Hakim/Kadhi Besar.

- Penelitian dokumen cerai dan surat beranak dan surat Nikah didapati munasabah mengikut hukum Syarak seperti yang dijelaskan dalam kitab I'anah At Thaaliben Juz 4 m.s. 152 berhubung dengan penafian anak.
- Mengikut surat beranak No. H 650365 bagi kanak-kanak Mohd. Fadlishah bin Azhari yang dilahir pada 23.4.88 iaitu jangka masa 9 bulan 21 hari dari tarikh perkahwinan dan 7 bulan 13 hari dari tarikh bercerai adalah munasabah. Dimana kelahiran anak itu melebihi tempoh sekurang-kurangnya hamil mengikut syarak iaitu 6 bulan dari tarikh berkahwin atau bercerai. Oleh demikian adalah haram keatas yang menuntut menafikan anaknya.
- Anak yang dilahir selepas perkahwinan adalah anak dalam perkahwinan sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud Anak bagi hamparan (isteri) yang sah. (7)

Penentuan Nasab Mahkamah Sivil

AINAN BIN MAHMUD - lwn - SYED ABU BAKAR BIN HABIB YUSOFF & ORS

Dalam kes ini seorang lelaki, Mahmud bin Wahid telah berkahwin dengan Long Raayah bte Lias, Kampung Tualang Tujuh, Daerah Kinta, Perak pada 9.5.1910. Tiga hari selepas berkahwin itu, Mahmud mendapati isterinya telah mengandung. Dia terus meninggalkan Long Raayah dan memohon untuk bercerai dihadapan Naib Kadhi, tapi telah dinasihatkan oleh Naib Kadhi itu supaya Mahmud tidak menceraikan isterinya itu, kerana isterinya sedang mengandung. Oleh yang demikian Mahmud menunggu sehingga anak dalam kandungan itu lahir baharu lah dia menceraikan Long Raayah.

Mengikut satu keterangan dalam kes tersebut Long Raayah melahirkan anak tersebut dalam bulan Ogos 1910, kanak-kanak itu dikenali dengan nama Mat Sah dan pada 12.9.1910 Mahmud menceraikan Long Raayah dan selepas itu Mahmud tidak pernah memberi nafkah, tidak pernah mengakui Mat Sah itu sebagai anaknya yang sah.

Dalam tahun 1922 Mahmud ada mendengar yang Mat Sah mendakwa beliau adalah anak Mahmud yang sah. Mahmud telah mempersoal dakwaan Mat Sah itu kepada Kadhi Besar, tapi tidak ada apa-apa tindakan.

Mat Sah mendakwa yang beliau dilahir dalam bulan Mac 1911, bukannya dalam bulan Ogos 1910. Dalam kes ini ada percanggahan keterangan mengenai tarikh lahir Mat Sah. Issu yang timbul dalam kes ini ialah adakah Mat Sah anak yang sah kepada Mahmud.

Dalam menjawab isu di atas dan untuk membuat keputusan Hakim Aitken telah memegang kepada peruntukan Evidence Enactment

(sekarang Akta Keterangan 1950) Seksyen 112. Dalam seksyen 112 ini memperuntukkan;

Fakta bahawa seseorang telah dilahirkan dalam masa ibunya masih ada dalam perkahwinan yang sah dengan seseorang lelaki, atau dalam masa 280 hari selepas perkahwinan itu dibubarkan ibunya masih belum berkahwin lain adalah bukti muktamad bahawa orang itu adalah anak yang sah taraf kepada lelaki itu, melainkan jika boleh dibuktikan bahawa pihak-pihak perkahwinan itu tidak pernah bersatu pada bila-bila masa jua pun yang boleh menghasilkannya.

Selain dari itu Mahkamah berpendapat Enakmen keterangan itu hendaklah dipakai untuk semua orang di negeri ini termasuk orang-orang Islam. Berdasarkan hujjah di atas Mahkamah memutuskan yang Mat Sah adalah anak kepada Mahmud.

Dalam kes ini Mahkamah memutuskan bahawa peguam boleh merujuk kepada mana-mana kitab Fiqah. Walaupun begitu pendapat Fiqah telah tidak diikuti oleh hakim. Walaupun dianya telah diberitahu kepadanya oleh peguam. Sebagai contohnya ada disebutkan dalam kes itu, iaitu mengikut undang-undang Islam kanak-kanak yang lahir kurang daripada 6 bulan dari tarikh perkahwinan ibubapanya adalah anak tak sah taraf.

Dapat dikatakan dalam kes ini hakim tidak langsung memakai undang-undang Islam dalam membicarakan kes dan dalam membuat keputusan, walaupun pihak-pihak yang terlibat ialah orang Islam. Sebaliknya Hakim memakai Enakmen keterangan Seksyen 112 yang mana betul-betul mengikut undang-undang English dan seksyen ini terang-terang bercanggah dengan Hukum Syarak kesahatarafan anak. (8)

Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, Seksyen 110 memperuntukan kesahatarafan anak seperti berikut;

Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak enam bulan qamariah atau lebih dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinan itu dibubarkan samada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab penceraian, dan perempuan itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh dengan secara li'an atau kutukan menafikan anak itu sebagai anaknya dihadapan Mahkamah. (9)

1.2 Masa Hamil Maksima

Dalam Al-Quran dan Hadis-Hadis sahih tidak ada menyebut seseorang mengandung sampai had maksima, kemungkinan inilah sebab menjadi perselisihan pendapat dikalangan Fuqaha seperti berikut:

(a) Pendapat yang termashur dikalangan syafieyah dan Malekiyah empat tahun. Berdasar kepada cerita setengah-setengah wanita mereka mengandung selama empat tahun. (10)

(b) Pendapat Hanafiyah, dua tahun, berdasar ucapan Aisyah R.A.

لا تزيد المرأة في الحمل على سنتين

Ertinya: Tidak melebihi dua tahun bagi seseorang perempuan mengandung. (11)

(c) Ibnu Hazmim berpendapat sembilan bulan, berdasar kepada Saidina Umar Al-Khattab R.A.. (12)

Pendapat-pendapat ini, semuanya tidak bersandar kepada Al-Quran atau Sunnah, bahkan mereka bersandar kepada setengah-setengah kejadian disana berlaku yang dicerita pada sesuatu ketika dimana tidak dapat menjadi hujjah yang tepat.

Dalam Akta Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 Seksyen 111 menyebut:

Jika anak itu dilahirkan lebih daripada empat tahun qamariah selepas perkahwinan itu dibubarkan samada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab penceraian, lelaki itu tidak boleh disifatkan sebagai bapa anak itu melainkan jika lelaki itu atau mana-mana warisnya menegaskan bahawa anak itu adalah anak lelaki itu. (13)

Sebagai perbandingan Qanun Ahwal Syakhshiah Mesir perkara 15 Tahun 1929, menentukan masa mengandung maksima ialah satu tahun, Undang-undang ini juga dipakai di Sudan seperti yang terkandung dalam perkara 41 Mahkamah Syariah Awam Sudan Mac 1985. (14)

1.3 Masa Ghalib (Kebiasaan)

Pada ghalibnya menurut adat perempuan mengandung hingga melahirkan anak sembilan bulan inilah kebiasaan yang didengari atau dilihat. (15)

1.4 Sabit Nasab Melalui Perkahwinan Fasid

Nasab daripada perkahwinan fasid dikira sepertimana Nasab Perkahwinan yang sah dengan syarat-syarat yang sama juga, iaitu: Hamil itu berlaku setelah perkahwinan dan memungkinkan persekutuan dengan suaminya. Kelahiran bayi itu hendaklah tidak

kurang daripada had minima hamil, dan tidak melebihi had maksima hamil. Kecuali perbezaannya masa hamil perkahwinan fasid dikira daripada waktu bersetubuh selepas akad sedangkan hamil perkahwinan sah dikira daripada waktu akad. Kerana nasab itu adalah langkah bagi menentu terhadap penjagaan anak.

Setelah sabit nasab daripada perkahwinan fasid, maka suami tidak boleh menafikannya. Kerana nasab apabila telah sabit tidak lagi boleh menafi kecuali melalui sumpah. Adapun sumpah tidak berlaku kecuali perkahwinan yang sah pada hakikat dan hukum. Sedangkan perkahwinan fasid tidak sah, oleh demikian tidak mungkin tindakan sumpah berlaku antara lelaki dan perempuan tersebut dalam kes ini.

Aqad batil tidak sabit nasab kerana hukum seperti berzina dan zina tidak boleh sabit nasab kepada lelaki pezina.

1.5 Sabit Nasab Dengan Wathi Subhat

Maksud wathi (persetubuhan) subhat iaitu setiap persetubuhan yang tidak dikategori sebagai zina dan tidak pula melalui akad yang sah atau fasid.

Banyak bentuk-bentuk persetubuhan seperti ini boleh berlaku antaranya: Seseorang berkahwin dengan perempuan yang ia tidak pernah melihat sebelumnya, kemudian terus ia masuk dalam bilik yang ciri-cirinya sama dimana ia menyangka perempuan dalam bilik itu isterinya, lalu disetubuhi akan dia, selepas itu baru ia ketahui bahawa perempuan yang disetubuhinya itu bukan isterinya.

Biantaranya juga seseorang yang bersetubuh dengan isterinya yang telah dicerai talak tiga dan ia masih dalam idah dimana ia

berkeyakinan isteri yang dicerai itu masih halal baginya.

Jika berlaku persetubuhan keatas perempuan-perempuan seperti mana tersebut tadi dan mengandung dengan persetubuhan itu, maka didakwa nasab bagi lelaki tersebut kerana ia menyerupai Firasy dan berhajat kepada bukti yang kukuh. (16)

Seksyen 113 Akta Keluarga Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984, menyebut:

Jika seseorang lelaki melakukan persetubuhan syubhah dengan seorang perempuan dan kemudiannya perempuan itu melahirkan seorang anak dalam tempoh antara enam bulan qamariah hingga empat tahun qamariah selepas persetubuhan itu, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu. (17)

1.6 Sabit Nasab Selepas Pembubaran Perkahwinan

Apabila seseorang suami mentalak isterinya samada Talak Reja'i atau bain atau kematian suami, tidak lama kemudian janda atau balu itu mendakwa bayi yang baru dilahirnya itu adalah nasab kepada bekas suaminya. Apakah hukum keadaan seperti itu?

Sebelum menjawab perlu diketahui secara umum masalah penentuan nasab bagi bayi yang ibunya dicerai tidak beriddah atau beriddah, rajei atau bain.

(a) Talak yang tidak mempunyai iddah seperti seorang suami mentalak isteri yang tidak pernah disetubuhinya. Maka nasab bayi yang dilahir selepas berlaku penceraian itu tidak sabit dari perkahwinan tersebut. Kecuali apabila terdapat bukti yang yakin bahawa bayi itu adalah dari perkahwinannya, atau

ternyata dakwaan tidak pernah setubuh itu bohong dengan syarat kelahiran bayi itu tidak kurang daripada enam bulan selepas bercerai dan tidak melebihi empat tahun, serta tidak pula berkahwin dengan orang lain selepas bercerai itu.

(b) Sabit Nasab Selepas Talak Raje'i

Apabila seseorang menceraikan isterinya dengan talak raje'i, kemudian didatangkan seorang bayi dalam tempoh enam bulan dari tarikh berlaku penceraian atau lebih mengikut had maksima masa mengandung, dan ia tidak membuat pengakuan kehabisan iddahinya maka bayi itu menjadi nasab kepada suami yang menceraikan ibunya, kerana kelahiran bayi tersebut sekurang-kurang masa hamil. Jadi diandaikan ia mengandung sebelum berlaku penceraian dan jika melebihi sehingga had maksima kemungkinan ia mengandung semasa dalam iddah yang kemungkinan ia merujuk (setubuh) semasa dalam iddah.

Adapun apabila perempuan yang dicerai itu membuat pengakuan dengan tamat iddahinya maka nasab tidak akan sabit kecuali dilahir dalam tempoh enam bulan daripada tarikh pengakuannya (Iqrar Inqadha' Iddah).

Seksyen 112 Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 menyebut:

Jika seseorang perempuan yang tidak berkahwin semula membuat satu pengakuan bahawa tempoh iddahinya telah tamat samada iddah itu adalah disebabkan kematian atau penceraian dan perempuan itu kemudiannya melahirkan seorang anak, maka suami perempuan itu tidak boleh disifatkan sebagai bapa anak itu melainkan jika anak

itu telah dilahirkan kurang dari empat tahun qamariah dari tarikh perkahwinan itu dibubarkan oleh sebab kematian suaminya itu atau oleh sebab penceraian. (18)

(c) Sabit Nasab Selepas Talak Bain

Apabila seseorang perempuan beriddah daripada Talak Bain dan ia tidak membuat pengakuan tamat iddahnya, maka sabit nasab bayi yang dilahirkan itu jika kurang daripada masa maksima mengandung kepada suaminya mencerainya ikhtiath kerana diIhtimal ia mengandung sebelum berlaku penceraian tetapi sekiranya dibawa akan dia selepas tamat masa maksima hamil maka ia tidak boleh disabitkan kepada suami yang mencerainya.

Adapun apabila ia beriqrar bahawa telah tamat iddah, kemudian dibawa bayi enam bulan atau lebih daripada waktu iqrarnya, maka nasab bayi tersebut tidak boleh dinasab kepada suami yang mencerainya. Kerana di Ihtimal mengandung dengan orang lain selepas iddah. Tetapi jika bayi itu lahir kurang daripada enam bulan dari tarikh iqrar tamat iddahnya maka sabit nasab baginya, kerana waktu iqrar tamat iddah dia telah hamil secara yakin malahan ia berhubung dengan iqrar tamat iddah.

(d) Sabit Nasab selepas wafat.

Tidak ada perbezaan hukum mengenai sabit nasab keatas bayi yang dilahir dalam tempuh maksima mengandung selepas berlaku penceraian hidup atau sebab kematian samada perempuan yang diceraikan itu mengaku tamat iddah atau tidak, kerana nasabnya sabit dan tidaklah boleh menafikannya kecuali melalui sumpah. (19)

Adapun pandangan pengikut Hanafi ada perbezaan antara pengakuan tamat iddah dengan tidak mengaku tamat iddah, jika ia tidak mengaku akan dikira nasab sekiranya kelahiran itu tidak melebihi dua tahun. Tetapi jika ia mengaku tidak sabit nasab kecuali kelahiran itu kurang daripada enam bulan. (20)

1.7 Dakwaan Kelahiran

Setelah dibincang mengenai hukum sabit nasab firasy maka elok kiranya disentuh sedikit mengenai hukum dakwaan kelahiran kerana ia merupakan kes yang berhubung rapat dengan masalah nasab firasy, sesungguhnya masalah nasab tidak dapat disabit tanpa mengetahui berlakunya kelahiran dan penentuan bayi secara pasti.

Kesimpulan dari perbincangan itu apabila seseorang perempuan mendakwa melahirkan anak dan menunjukkan anak itu sebagai bukti, keadaan seperti ini terdapat dua cara penyelesaian. Pertama: Jika dakwaan itu diakui oleh bekas suaminya maka sabitlah kelahiran itu dengan demikian sabit pula nasab baginya, apabila kelahiran itu memenuhi syarat-syarat hamil seperti terdahulu sabitnya. Kedua: Tetapi jika dakwaan itu ditolak oleh bekas suaminya dan ia berkata bahawa perempuan itu tidak pernah melahirkan anak sama sekali dan malah dalam penafian itu bekas suaminya menuduh kanak-kanak itu adalah anak pungut atau anak orang lain (zina).

Cara menentukan kelahiran kanak-kanak tersebut adalah berbeza, kerana keadaan perempuan tersebut ketika itu samada ia sebagai isteri, atau perempuan dalam iddah Talak Rajie atau

dalam iddah Talak Bain atau dalam Iddah Wafat atau telah habis iddah bagi menentu kes-kes tersebut perlu kepada keterangan saksi.

Dua orang saksi lelaki diperlu bagi kes-kes yang menonjol peranan lelaki seperti nikah, cerai, rujuk, ila, zihar, nasab, perwakilan dan wasiat. Pendapat ini dipersetujui oleh Syafie, Maliki dan terpakai dalam Mazhab Hambali. (21)

Firman Allah S.W.T:

واشهدوا ذوي عدل منكم واقيموا الشهادة لله

Bermaksud: Dan adakanlah dua orang saksi yang adil antara kamu (semasa kamu menunjukkan atau melepaskannya) dan hendaklah kamu (yang menjadi saksi) menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata. (22)

Pendapat pakar Nasab atau qiafah, mungkin agak sukar mendapat qa'if pada masa ini, untuk dijadikan pakar rujuk dalam menentukan nasab. Tetapi jika kita merujukkan penentuan kepada pakar perubatan yang mendapat latihan khusus dalam hal-hal yang berhubung dengan keturunan dan nasab, adakah boleh diterima?

Logiknya dalam undang-undang keterangan Islam pendapat pakar dan qiafah wajar diterima walaupun demikian terpulang kepada Mahkamah untuk menguji sejauhmana jitunya pendapat mereka ini, dan Mahkamah mempunyai kuasa menerima atau menolaknya.

Akta keterangan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan menjadikan pendapat pakar sebagai salah satu cara pembuktian. Seksyen 33(1) menyebut:

Apabila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atau sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai Sains atau seni atau tentang pengenalan atau ketulinan tulisan

tangan atau jari atau tentang bentuk menentukan nasab, maka pendapat atas perkara itu dari pakar dalam undang-undang negeri asing, sains, seni atau dalam soal pengenalan atau ketulinan tulisan tangan atau cop jari atau tentang bentuk menentukan nasab maka pendapat atau perkara itu dari pakar dalam undang-undang negeri asing, sains atau seni itu atau dalam soal pengenalan atau ketulinan tulisan tangan atau cop jari atau tentang bentuk nasab adalah qarinah.

Seksyen 33(2):

Orang yang seumpama itu adalah dinamakan pakar.

Seksyen 33(3):

Seboleh-bolehnya dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan, tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika pendapat dua orang pakar bertentangan maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan.

Seksyen 34:

Nyataan yang tidak berkaitan dengan jalan lain adalah berkaitan jika ia menyokong atau tidak bersesuaian dengan pendapat pakar apabila pendapat itu ada berkaitan.

Adalah wajar bagi Mahkamah untuk meminta nasihat atau pendapat pakar dalam bidang tertentu demi untuk membantu menegakkan keadilan kerana hakim adalah manusia biasa yang mempunyai ilmu dan pengetahuan terhad. Malahan Islam mengelakkan hakim sentiasa mengadakan perbincangan dan bertukar pendapat dalam perkara-perkara yang ia kurang pasti. Walau bagaimanapun, hakim hendaklah berhati-hati dalam menerima pendapat dan nasihat. (23)